**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NASIONAL**

*Penularan COVID-19*

# 11 lagi kematian direkod

## Semua mangsa warga tempatan berusia antara 50 hingga 81 tahun

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my



**Petugas Kementerian Kesihatan** *mencatat butiran penghuni Pangsapuri Ixora, Kuala Lumpur sebelum membuat saringan COVID-19.*
(foto Asyraf Hamzah/BH)

**Putrajaya:** Malaysia mencatatkan 11 kes kematian semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian disebabkan oleh COVID-19 sebanyak 376 kes atau 0.54 peratus daripada jumlah keseluruhan 69,095 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata lima kes dilaporkan di Hospital Sungai Buloh, Selangor, dua kes masing-masing di Hospital Duchess of Kent di Sandakan, Sabah dan Hopsital Besar Hajjah Khalsom, Kluang dan satu kes kematian di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban dan Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu.

Dr Noor Hisham berkata, semua kes kematian itu warga tempatan iaitu tujuh perempuan dan empat lelaki berusia antara 50 hingga 81 tahun.

"Lima kes kematian di Hospital Sungai Buloh membabitkan membabitkan tiga wanita berusia 72 tahun, 74 tahun dan 77 tahun yang mempunyai penyakit darah tinggi, dislipidemia, asma dan obesiti manakala dua lagi kes lelaki berusia 79 tahun dan 81 tahun yang mempunyai penyakit kencing manis dan darah tinggi, strok dan penyakit kemurungan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, dua kes di Hospital Duchess of Kent membabitkan lelaki berusia 64 dan 79 tahun mempunyai penyakit kencing manis, jantung, darah tinggi dan buah pinggang kronik manakala dua kes kematian yang dilaporkan di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang kedua-duanya wanita berusia 50 tahun dan 71 tahun dan mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi dan gout dan obesiti.

Katanya, satu kes kematian masing-masing dilaporkan di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban membabitkan wanita berusia 70 tahun dan mempunyai penyakit darah tinggi, dislipidemia dan gout dan kes kematian di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu wanita berusia 72 tahun juga mempunyai darah tinggi dan demensia.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes positif COVID-19 yang dilaporkan semalam meningkat ke 1,075 kes menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 69,095 kes dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini sebanyak 10,802 kes dan terdapat tiga kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Bagi penularan tempatan, negeri di Lembah Klang mencatatkan 508 kes atau 47.3 peratus dan Selangor melaporkan sebanyak 459 kes (90.4 peratus), diikuti Sabah sebanyak 310 kes (28.8 peratus) dan Johor sebanyak 78 kes (7.3 peratus).

"Sebanyak 48 kes (4.5 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (41 kes), Kluster Tembok (3 kes), Kluster Matambai (3 kes) dan Kluster Bakti (1 kes)," katanya.

Dr Noor Hisham juga berkata, terdapat 948 kes pulih dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah 57,917 kes bersamaan 83.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Selain itu, katanya, empat kluster baharu dikesan semalam iaitu dua di Lahad Datu dan satu masing-masing di Tawau dan Selangor.

Beliau berkata, kluster pertama dikesan di daerah Petaling, Selangor yang dinamakan sebagai Kluster Monsoon hasil saringan individu bergejala dan sehingga kini sudah menjangkiti 19 individu manakala kluster kedua dikesan di daerah Lahad Datu, Sabah yang dikenali sebagai Kluster Jalan Kilang iaitu hasil saringan tempat kerja di sebuah kilang dan sehingga kini sudah menjangkiti 24 individu.

"Kluster ketiga turut dikesan di daerah Lahad Datu yang dikenali sebagai Kluster Perdana Enam hasil saringan individu bergejala dan sehingga kini sudah menjangkiti 25 individu dan Kluster Jalan Kubota dikesan di Tawau, Sabah yang dan sudah menjangkiti 14 individu," katanya.

# Dua kes baharu rabies di Sarawak, satu meninggal

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan kes rabies di Sarawak meningkat kepada lapan setakat tahun ini, setelah dua lagi kes baharu dilaporkan, satu daripadanya menyebabkan kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes rabies ketujuh membabitkan seorang kanak-kanak lelaki berumur tiga tahun yang digigit di bahagian mukanya oleh seekor anjing milik jirannya ketika cuba menyelamatkan kucing milik neneknya yang diserang anjing berkenaan pada 2 November lalu.

"Kanak-kanak berkenaan terus dimasukkan ke Hospital Bau untuk menerima suntikan immunoglobulin rabies (RIG) dan vaksin anti-rabies. Kes sudah discaj dalam keadaan sihat pada 6 November lalu namun, pada 13 sehingga 15 November kanak-kanak ini mengalami demam panas, lemah anggota badan, kurang selera makan, gelisah, hidrofobia dan menunjukkan tingkah laku agresif," katanya di sini, semalam.

Berikutan kemerosotan kesihatan itu, Dr Noor Hisham berkata, kanak-kanak terbabit dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak (HUS) pada 16 November untuk rawatan lanjut dan disahkan dijangkiti virus rabies pada 25 November melalui ujian makmal oleh IMR.

> ***Pertambahan kes ini juga menjadikan jumlah keseluruhan kes rabies di Sarawak meningkat kepada 30 kes dengan 28 kematian sejak wabak rabies diisytiharkan di Sarawak pada 2017.***
>
> ***Dr Noor Hisham Abdullah,*** *Ketua Pengarah Kesihatan*

"Anjing (yang menggigit kanak-kanak) ini sudah ditangkap oleh pihak Majlis Daerah Bau pada 3 November dan disahkan positif virus rabies pada 18 November. Beliau kini sedang menerima rawatan di Hospital Umum Sarawak (HUS) dan dalam keadaan stabil," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes kelapan pula membabitkan seorang lelaki berusia 58 tahun yang dimasukkan ke Hospital Lundu pada 19 November lalu dengan gejala sakit dan lemah badan serta sakit tekak selama tiga hari.

Beliau berkata, lelaki itu dipindahkan ke HUS dan disahkan meninggal dunia pada 25 November lalu dengan diagnosa rabies meningoencephalitis dan mendiang pernah mempunyai sejarah digigit oleh anjing liar pada dua tahun lalu semasa berburu di dalam hutan.

Katanya, pertambahan kes ini juga menjadikan jumlah keseluruhan kes rabies di Sarawak meningkat kepada 30 kes dengan 28 kematian sejak wabak rabies diisytiharkan di Sarawak pada 31 Julai 2017.

"Hanya terdapat dua kes yang masih hidup dan kedua-duanya adalah kanak-kanak dengan sejarah mendapatkan rawatan awal," katanya.